

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL



LELAKI cuba terjun dari tingkat satu HDOK, Sandakan.

Dua jam pujuk pesakit cuba terjun bangunan hospital

Sandakan: Ambil masa dua jam bagi memujuk seorang pesakit lelaki membatalkan hasrat terjun dari tingkat satu bangunan Hospital Duchess Of Kent (HDOK) di sini.

Dalam kejadian jam 2.56 petang kelmarin, lelaki berusia 33 tahun itu akhirnya diselamatkan pihak hospital dan bomba yang memujuknya supaya menyerahkan diri.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 2.56 petang.

Katanya, sepasukan pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sandakan digerakkan ke lokasi kejadian bagi operasi menyelamat.

"Sebaik tiba di lokasi, lelaki itu cuba terjun dari tingkat satu bangunan HDOK.

"Pasukan penyelamat kemudian memujuk lelaki terbabit dan berjaya menangkapnya," katanya.

Menurutnya, mangsa cedera ringan di bahu kiri dan diberi rawatan awal oleh pasukan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS).

"Mangsa seterusnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Operasi menyelamat turut dibantu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

KKM sahkan pelaku sering berlegar-legar di Hospital Serdang

'Tidak buat prosedur rawatan'

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan 'doktor segera' yang menyamar di di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang sempat melakukan prosedur rawatan termasuk memberikan preskripsi ubat kepada pesakit.

Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, bagaimanapun perkara itu masih dalam siasatan namun pihaknya tidak menerima laporan seumpama itu.

"Doktor penyamar berusia 14 tahun itu sememangnya didapati sering berlegar di hospital itu, tetapi tidak melakukan sebarang prosedur perubatan. Cuma dia sendiri yang sebenarnya cuba mendapatkan rawatan di hospital itu. Walaupun demikian, dia sempat melarikan diri.

"Penyamarannya terbongkar apabila petugas-petugas kesihatan di sana mengesyaki ada sesuatu tidak kena (dengan remaja itu)," katanya pada sidang akhbar selepas sesi taklimat media berkaitan kesihatan mental dan Program MySAVE serta Pelaporan Media Selamat dan Bertanggungjawab di sini semalam.

Pada 9 Ogos lalu, *Kosmo!* melaporkan remaja perempuan itu bertindak licik apabila berjaya menyamar sebagai doktor selama kira-kira dua bulan tanpa disedari petugas lain.

Mengulas lanjut, Lukanisman berkata, saiz bangunan hospital itu yang besar dan kompleks me-



SEORANG remaja perempuan yang disyaki menceroob dan menyamar sebagai petugas hospital ketika dibawa ke Mahkamah Sepang pada 9 Ogos lalu.

nyukarkan petugas mengecam setiap orang apatah lagi dengan jumlah kakitangan yang banyak.

"Bagaimanapun, penyamar itu berjaya dikenal pasti oleh selepas dia hadir dan mendakwa sebagai pegawai perubatan.

"Terdapat rasa keraguan kepada penyamar itu kerana fizikal dia agak terlalu muda. Tetapi (dakwaan dia pernah beri preskripsi ubat dan melakukan pemasangan IV branula) tidak berlaku. Sudah pasti perkara tersebut bukan mudah untuk dilakukan oleh penyamar kerana dia tidak mempunyai se-

barang kemahiran.

"Dia hanya menyamar dan membahaskan dirinya sebagai seorang pegawai perubatan apabila cuba men-

dapatkan rawatan di wad keceemasan," katanya.

Pada masa sama, Lukanisman berkata, langkah penambahbaikan prosedur keselamatan di hospital terbabit sedang dilakukan termasuk menambah baik penggunaan pas pekerja.

"Pegarah Hospital Serdang akan memikirkan kaedah-kaedah terbaik kerana pusat kesihatan dan hospital-hospital besar sememangnya biasa menerima pelatih-pelatih dan jumlah kakitangan adalah ribuan di dalam fasiliti tersebut," tambahnya.



Tiada kes baharu cacar monyet di Malaysia

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan tiada kes baharu cacar monyet (MPox) direkodkan di Malaysia, meskipun terdapat peningkatan kes penyakit itu khususnya di rantau Afrika baru-baru ini.

KKM dalam kenyataan berkata, jumlah keseluruhan Mpx yang disahkan setakat ini ialah sebanyak sembilan kes iaitu kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan terakhir direkodkan pada November 2023.

"Berdasarkan pemantauan dijalankan KKM, tiada kes Mpx baharu yang dilaporkan sehingga kini.

"Kesemua kes dilaporkan sebelum ini mempunyai sejarah menjalankan aktiviti berisiko dan kini telah sembuh dan tiada kematian dilaporkan," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, KKM berkata, ketika ini, terdapat sebanyak 99,176 kes Mpx di seluruh dunia dengan melibatkan 116 buah ne-



TIADA kematian direkodkan dalam sembilan kes jangkitan yang disahkan di Malaysia. - GAMBAR HIASAN

gara dengan membabitkan 208 kematian.

"Pada Jun sahaja terdapat 934 kes dan empat kematian dilaporkan di seluruh dunia yang mana 567 kes adalah dari rantau Afrika," katanya.

Cacar monyet ialah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus Mpx iaitu spesies di bawah genus *orthopoxvirus*.

Jangkitan boleh berlaku anta-

ra manusia ke manusia melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan Mpx.

Jangkitan juga boleh berlaku melalui pendedahan kepada cecair respiratori semasa hubungan intim.

Gejala Mpx ialah demam serta *maculopapular rash* atau ruam lepuh pada muka,

tapak tangan, tapak kaki, kemaluan, konjunktiva dan juga kornea.

Tempho pengerasan (*incubation period*) iaitu tempoh daripada terdedah kepada jangkitan sehingga individu menunjukkan gejala jangkitan Mpx adalah antara lima hingga ke 21 hari.

Individu positif jangkitan Mpx boleh menjangkiti orang lain sehari sebelum gejala muncul dan sehingga semua lepuh telah kering sepenuhnya.

Individu yang mempunyai sejarah aktiviti berisiko dan bergejala dinasihatkan agar menjalani pemeriksaan di fasiliti kesihatan berhampiran.

Pengamal perubatan yang merawat kes disyaki dan kes yang disahkan perlu melaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran agar siasatan, langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat dijalankan bagi mengelakkan berlaku penularan jangkitan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Kesihatan mental dalam pakej insurans

KKM pertimbang kemuka cadangan itu kepada Jemaah Menteri sebagai usaha memberi perlindungan yang lebih meluas

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Kementerian Kesihatan (KKM) mempertimbangkan untuk mengemukakan cadangan kepada Jemaah Menteri bagi memasukkan kesihatan mental dalam pakej insurans kesihatan ke arah usaha memberi perlindungan yang lebih meluas.

Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, perkara tersebut pernah dibangkitkan oleh beberapa ahli Parlimen sebelum ini mengenai keperluannya.

"Cadangan ini mungkin akan melibatkan kerjasama pelbagai agensi dan

pihak industri untuk mencari jalan bagi memasukkan kesihatan mental di dalam pakej-pakej insurans ditawarkan," katanya ketika ditemui pemberita selepas taklimat media berkaitan kesihatan mental dan pelaporan media selamat serta bertanggungjawab di sini pada Khamis.

Menurut Lukanisman, kerajaan meletakkan kesihatan mental sebagai asas kesihatan rakyat.

"Kesihatan mental boleh berlaku kepada semua individu termasuk mereka yang kelihatan sihat secara fizikal," jelasnya.

Dalam ucapannya, Lukanisman menekankan peranan dan tanggungjawab bersama untuk mencegah tingkah laku bunuh diri.

Jelasnya, sikap prihatin, empati dan peduli terhadap orang di sekeliling membantu mereka yang berisiko tingkah laku bunuh diri untuk tampil mendapatkan bantuan.

"Kita perlu memberikan ruang dan peluang untuk mereka berkongsi perasaan dan masalah mereka tanpa menghakimi mereka," ujarnya.



LUKANISMAN

Lukanisman berkata, pesakit mental bukan sahaja perlu diberi sokongan secara fizikal, malah sokongan emosi dan psikosial untuk mengatasi cabaran serta krisis yang hadapi.

"Pegawai perhubungan awam dan pengamal media memainkan peranan amat penting dalam penulisan serta pelaporan berkaitan dengan tingkah laku bunuh diri.

"Cara pelaporan tentang tingkah laku bunuh diri boleh memberi kesan positif atau negatif kepada masyarakat," katanya.

Sebelum ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sebanyak 703,000 kematian akibat bunuh diri berlaku di dunia setiap tahun dengan purata satu kematian setiap 40 saat.

Bunuh diri berada antara 10 penyebab utama kematian di dunia dan penyebab keempat kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun.

Bagi setiap nyawa yang terkorban, dianggarkan 135 ahli keluarga atau rakan-rakan akan mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

10

NASIONAL

SINAR HARIAN • JUMAAT 16 OGOS 2024

TELUS & TULLUS
Sinar
Harian

TELUS & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

KKM nafi remaja menyamar doktor buat prosedur kesihatan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan remaja 14 tahun yang mencero boh Hospital Sultan Idris Shah, Serdang baru-baru ini melakukan prosedur kepada pesakit ketika penyamaran.

Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, sebaliknya remaja perempuan yang menyamar sebagai doktor itu didapati bergerak dalam fasiliti hospital.

"Dia tidak mempunyai kemahiran dan penyamar itu memang bergerak ke sana

sini dalam fasiliti," katanya selepas taklimat media berkaitan kesihatan mental dan pelaporan media selamat serta bertanggungjawab di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai dakwaan remaja terbabit melakukan prosedur kesihatan kepada pesakit.

Remaja berkenaan yang kini berada dalam tahanan reman telah ditahan di lobi hospital jam 9 pagi ketika cuba mendaftar di kaunter dengan menggunakan identiti palsu minggu lalu.

Sementara itu dalam perkembangan berasingan, Lukanisman berkata, kebocoran siling di luar bangunan kecemasan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Miri telah diselesaikan.

Ujarnya, hospital berkenaan masih di dalam tempoh liabiliti kecacatan (DLD) dan dibaik pulih oleh kontraktor.

"Hospital ini belum beroperasi sepenuhnya dan ia hanya melibatkan bahagian luar jabatan kecemasan.

"Bahagian dalam di setiap lapan tingkat

tidak mempunyai sebarang kerosakan," katanya.

Kejadian kebocoran siling di luar bangunan kecemasan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Miri Ahad lalu berpunca daripada kegagalan sambungan paip buangan air.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dalam satu kenyataan memberitahu, situasi itu menyebabkan paip tidak mampu menampung jumlah air yang banyak akibat hujan lebat.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

1,061 kes jual vape kepada remaja bawah umur

MARANG - Sebanyak 1,061 kes melibatkan penjualan rokok elektronik atau vape direkodkan kepada individu bawah umur 18 tahun di Terengganu sejak awal tahun ini sehingga Julai lepas.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, pihaknya memandang serius isu penggunaan vape dalam kalangan remaja selain tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang didapati menjual vape kepada remaja bawah umur 18 tahun.

"Kita amat risau dengan peningkatan tabiat merokok dan isu penggunaan vape dalam kalangan remaja sekarang.

"Jadi kita lakukan penguatkuasaan dengan memeriksa premis bagi memastikan tidak ada penjualan rokok biasa dan rokok elektronik kepada individu berumur bawah 18 tahun selain memberi peringatan kepada pemilik kedai supaya tidak menjual vape kepada remaja bawah umur," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang akhbar Ops Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam Siri 4/2024 di Pejabat Kesihatan Daerah Marang, di sini pada Khamis.

Dr Kasemani berkata, sebanyak



DR KASEMANI

831 operasi dijalankan dan 15,346 premis diperiksa di bawah penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 sehingga bulan Julai lepas.

Ujarnya, sebanyak 5,431 notis kesalahan dikeluarkan bernilai RM1.34 juta.

"Jumlah ini meningkat sebanyak 24.4 peratus berbanding 4,366 notis kesalahan bernilai RM1.01 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2023.

"Kesalahan merokok di kawasan larangan merokok antara penyumbang tertinggi iaitu 4,752 notis kesalahan rokok konvensional (3,691) dan vape (1,061)," jelasnya.

Tambahnya, sebanyak 120 premis dijalankan pemeriksaan untuk operasi kali ini melibatkan kawasan larangan merokok antaranya kedai makan, kedai penjualan rokok dan premis kerajaan.

"Sebanyak 23 notis kesalahan bernilai RM6,250 telah dikeluarkan dalam operasi pada semalam (Rabu) dan hari ini (Khamis).

"Antara kesalahan paling tinggi melibatkan kesalahan merokok di kedai makan iaitu sebanyak 19 kes, jualan rokok bawah harga minimum (2) dan tiada pemasangan papan tanda larangan merokok (2)," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : DALAM NEGERI

Mati bunuh diri meningkat 1,087 kes

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kes kematian bunuh diri di negara ini meningkat 10 peratus dengan 1,087 kes direkodkan pada tahun lalu berbanding 981 kes pada 2022 sebagaimana rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri adalah multifaktorial dan kompleks, seperti isu psiko-sosial dan persekitaran atau masalah kewangan (kehilangan sumber pendapatan atau pekerjaan).

Katanya, ini termasuk faktor penyakit mental seperti kemurungan atau penyakit mental lain, selain kurang sokongan sosial

dan penyalahgunaan substans.

"Kita semua mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mencegah tingkah laku bunuh diri. Sikap prihatin, empati dan peduli terhadap orang-orang di sekeliling dapat membantu mereka yang berisiko tampil mendapatkan bantuan.

"Kita perlu memberikan ruang dan peluang untuk mereka berkongsi perasaan dan masalah mereka tanpa menghakimi mereka, bukan sahaja diberi sokongan fizikal, malah sokongan emosi dan psiko-sosial untuk mereka mengatasi cabaran dan krisis yang mereka hadapi," katanya dalam sidang akhbar selepas sesi taklimat media berkaitan kesihatan mental dan Program MySAVE serta Pelaporan Media Selamat dan Bertanggungjawab di sini



Kita semua mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mencegah tingkah laku bunuh diri. Sikap prihatin, empati dan peduli terhadap orang-orang di sekeliling dapat membantu mereka yang berisiko tampil mendapatkan bantuan."

semalam.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sebanyak 703,000 kematian akibat bunuh diri berlaku di dunia setiap tahun dengan purata satu kematian setiap 40 saat.

Bunuh diri berada di antara 10 penyebab utama kematian di dunia, dan penyebab keempat kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun dan bagi setiap nyawa yang terkorban, dianggarkan 135 ahli keluarga atau rakan-rakan akan mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi.

Menurut Lukanisman, salah satu inisiatif pencegahan tingkah laku bunuh diri oleh KKM adalah melalui Program Malaysia Suicide Awareness Voice of Hope (MySAVE) bertujuan

menguatkan lagi pelaksanaan aktiviti pencegahan tingkah laku bunuh diri di peringkat kebangsaan dalam kalangan masyarakat.

Pada masa sama, katanya, pegawai perhubungan awam dan pengamal media memainkan peranan penting dalam penulisan dan pelaporan berkaitan dengan tingkah laku bunuh diri.

Sementara itu, mengulas mengenai Hospital Sultan Idris Shah, Serdang (Hospital Serdang), Lukanisman berkata, hospital tersebut kini sedang menambah baik prosedur keselamatan di hospital, termasuk penggunaan pas pekerja.

Katanya, Pengarah Hospital Serdang akan memikirkan kaedah-kaedah yang terbaik dalam meningkatkan prosedur keselamatan di hospital berkenaan.

Tiada kes baharu cacar monyet direkodkan di Malaysia

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan tiada kes baharu cacar monyet (*Mpox*) yang direkodkan di Malaysia ketika ini meskipun terdapat peningkatan kes penyakit itu khususnya di rantau Afrika baru-baru ini.

KKM dalam kenyataan memaklumkan, jumlah keseluruhan *Mpox* yang disahkan setakat ini ialah sebanyak sembilan kes di mana kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan terakhir dilaporkan pada November 2023.

"Kesemua kes dilaporkan sebelum ini mempunyai sejarah menjalankan aktiviti berisiko dan kini telah sembuh dan tiada kematian dilaporkan," katanya semalam.

KKM berkata, ketika ini, terdapat sebanyak 99,176 kes *Mpox* di seluruh dunia dengan melibatkan 116 buah negara, dengan 208 kematian.

Katanya, terdapat 934 kes dan empat kematian dilaporkan di seluruh dunia pada bulan Jun lalu yang mana 567 kes adalah dari rantau Afrika.

Cacar monyet ialah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus *Mpox* iaitu spesies di bawah genus *Orthopoxvirus*.

Jangkitan boleh berlaku antara manusia ke manusia melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang

mempunyai gejala dan tanda jangkitan *Mpox*.

Jangkitan juga boleh berlaku melalui pendedahan kepada cecair respiratori semasa hubungan intim.

Gejala *Mpox* ialah demam berserta ruam *maculopapular rash* atau ruamlepuh pada muka, tapak tangan, tapak kaki, kemaluan, konjunktiva dan juga kornea.

Tempoh pengeraman (*incubation period*) iaitu tempoh daripada terdedah kepada jangkitan sehingga individu menunjukkan gejala jangkitan *mpox* adalah antara lima hingga ke 21 hari.

Individu positif jangkitan *Mpox* boleh menjangkiti orang lain sehari sebelum gejala muncul dan sehingga semua lepuh telah kering sepenuhnya.

Individu yang mempunyai sejarah aktiviti berisiko dan bergejala dinasihatkan agar menjalani pemeriksaan di fasiliti kesihatan berhampiran.

Pengamal perubatan yang merawat kes disyaki dan kes yang disahkan perlu melaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran agar siasatan, langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat dijalankan bagi mengelakkan berlaku penularan jangkitan.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NATION

Include mental health in insurance

Health Ministry to propose treatment coverage in schemes to Cabinet

By ALLISON LAI
 allison@thestar.com.my

PUTRAJAYA: With mental health gaining increased attention, the Health Ministry is proposing to the Cabinet that coverage for the condition be included in health insurance packages available to the public.

Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni said the ministry is also exploring ways to encourage private sector employers to provide mental health treatment coverage for their employees.

"Several MPs have emphasised the need for this initiative to ensure that employers support the ministry and facilitate necessary treatment for employees," he stated after a briefing on mental

health and responsible media reporting about suicide yesterday.

Lukanisman explained that the Health Ministry cannot tackle this issue alone and that collaboration with various government agencies, particularly the Human Resources Ministry, is essential for determining the best approach for the private sector to provide mental health treatment coverage or integrate it into insurance plans.

He said the proposal would be put forward to the Cabinet, which would then decide the agencies to spearhead the implementation.

"This will be a two-way process, where the views and concerns of the industry will be taken into account, rather than a unilateral decision," he said.

"Multiple sectors and industry players will provide input as this

involves financial implications. It should not be viewed as a burden despite the negative impact of poor mental health on productivity."

Lukanisman also highlighted the national Mental Health Crisis Line (HEAL) at 15555, which has assisted 317 cases of suicidal behaviour with the help of police and other agencies since its launch on Oct 21, 2022, until July 20 this year.

On another matter, Lukanisman dismissed allegations that a 14-year-old girl posing as a medical officer had administered medication to patients at a public hospital.

He stated that the procedures require specific skills that the impersonator did not have.

"While she was able to move

around the hospital, she did not perform any medical procedures. Her impersonation was revealed when hospital staff became suspicious of her youthful appearance," he explained.

To prevent similar incidents, Lukanisman said the ministry has implemented improved security measures, including identification passes.

He stressed the importance of continuous treatment for mental health issues, stating that these problems can affect anyone, even those who appear healthy.

"Parents and guardians play a crucial role in addressing the stigma surrounding mental health and must strive to understand the challenges their children face.

"When their children encounter mental health problems, they

need to seek help and ensure ongoing treatment," he added.

Meanwhile, Lukanisman reported that the ceiling leaks in Miri Hospital's emergency department have been repaired.

"Miri Hospital is still under the defect liability period and is not yet fully operational. Only the emergency department is open, and it is currently functioning well," he said.

He clarified that the leak was caused by defective materials used in the ceiling's construction, and the contractor had met with the hospital's director and conducted repairs.

"The affected area was in front of the main door near the green zone, but other zones were unaffected and operations are normal," said Lukanisman.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Mpox under control here for now, say health experts

By HO JIA WEN
jiawen.ho@thestar.com.my

PETALING JAYA: Even though the World Health Organisation (WHO) has declared an outbreak of monkeypox as a global health emergency for the second time in two years, the situation in Malaysia is not too worrying for now, say health experts.

WHO had declared an emergency for mpox in 2022. Such declarations pave the way for international efforts to curb the spread of the virus.

Universiti Putra Malaysia consultant clinical microbiologist Prof Dr Zamberi Sekawi said mpox is transmitted by close direct contact and is of lower risk compared with airborne transfers.

"However, the threat is always there and people should be careful to mitigate the risk," he reminded the public.

Those with high-risk sexual behaviour should take precaution, he added.

Prof Zamberi advised against handling bedding or towels used by persons with mpox or sharing utensils or cups with them.

For those travelling to countries with a high number of mpox cases, necessary precautions should be taken through good hygiene and avoiding high-risk behaviours, he added.

Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh (pic), professor in public health medicine at Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Medicine, also said mpox is not a significant threat to residents in Malaysia for now.

"It takes a longer time for the disease to be transmitted, as it is through direct contact," she explained.

She said most of those infected with mpox will recover, though there are some who can get very sick.

"Infected people can present with swollen lymph nodes, chills and exhaustion," Prof Sharifa Ezat said.

"The rash can look like pimples or blisters that appear on the face, inside the mouth and on other parts of the body like the hands, feet, chest, genitals or anus," she added.

Prof Sharifa Ezat cautioned that anyone

can get mpox by touch, kissing or sex with infected persons or eating infected animals.

Babies too can get it from their infected pregnant mothers, she said.

Prof Sharifa Ezat also said that smallpox antiviral treatments are used to treat mpox and reduce its symptoms.

"The smallpox vaccine is said to reduce the risk of getting infected by 85%," she added.

Yesterday, the Health Ministry said that nine mpox cases were recorded since the first case was detected in July 2023, with the last one in November the same year.

The ministry said all the cases reported had a history of high-risk activities and all had recovered.

"Based on our monitoring, no new imported mpox cases have been reported," it said in a statement.

The ministry advised those travelling to countries with reported mpox cases to practise a healthy lifestyle and avoid risky activities.

"They are also advised to monitor their health status daily, including signs of any mpox infection, within 21 days of returning from these countries.

"Those involved in high-risk activities are advised to undergo examination at the nearest health facility."

The ministry added that it will continue to monitor the mpox situation both domestically and internationally and will provide updates as necessary.

On Wednesday, WHO declared mpox as a public health emergency of international concern.

This came after the surge in mpox cases in the Democratic Republic of the Congo in Central Africa and its neighbouring countries.



Mpox



Infectious disease caused by the monkeypox virus. It was first discovered on monkeys, with the first reported human case in 1970.


Transmission

- May be transmitted through:
- Touch, kissing or sex with infected person.
 - Hunting, skinning or cooking infected animals.
 - Direct contact with contaminated objects (eg: sheets, clothes or needles).
 - Pregnant mothers to their unborn baby.

Symptoms

Start one to 21 days after exposure, and last two to four weeks

- Rash
- Fever
- Sore throat
- Headache
- Muscle aches
- Back pain
- Swollen lymph nodes
- Skin lesions



Treatment

- Mpox vaccine to prevent infection.
- Vaccine should be given within four days of contact with infected person.
- Self-treatment by keeping hand and sores clean.
- Take baths with baking soda or Epsom salts for body sores.

Source: World Health Organisation

TheStar graphics

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Pros and cons of artificial sweetener consumption

■ BY FARAHATUN NISA OMAR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Excessive consumption of artificial sweeteners may increase the risk of stroke, heart disease and other health issues, so it's best to limit their consumption, said a public health expert who was commenting on several "zero sugar" labelled beverages that have flooded the market.

However, Universiti Kebangsaan Malaysia Public Health Medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said consuming such beverages is safe for diabetics as they do not lead to spikes in blood sugar levels.

In April, Deputy Health Minister Datuk Lukmanism Awang Sauni said nearly five million Malaysians are pre-diabetic.

➤ Sugar substitutes do not cause insulin spike, but excessive intake may increase risk of stroke and heart disease: Expert

He said diabetics do not show symptoms, so most are not aware they have the disease and may not undergo health checks.

"An awareness survey of 5,000 people found that 76% of respondents never got tested. We are trying to reduce the number of diabetics through screening tests as that is when we can advise and treat them so that they can make lifestyle changes."

Sharifa Ezat said diabetics seeking a sugar alternative that will not raise their blood sugar levels often turn to

sweeteners, but some may experience an aftertaste or find them less satisfying.

"Artificial sweeteners are considered safer and may be preferable to sugar if you are a diabetic as they do not affect blood sugar or insulin levels."

However, she said those who suffer from phenylketonuria must avoid consuming drinks that contain artificial sweeteners such as aspartame.

Phenylketonuria is a rare

genetic disease affecting children and its symptoms include mental retardation and physical disability.

"Those who suffer from inflammatory bowel disease should also avoid sugar substitutes as their symptoms could flare up."

She said according to the US Food and Drug Administration, the acceptable daily intake of an artificial sweetener such as stevia is 4ml per kg of body weight.

"Someone who weighs 60kg could safely consume nine packets of the tabletop sweetener version of stevia per day. Stevia is a purified product that is around 300 times sweeter than table sugar, so one needs to use only a small quantity."

She also said artificial sweeteners in "zero sugar" labelled drinks have synthetic compounds to replace sucrose or table sugar, and since there are little or no calories in them, the sweeteners do not raise blood sugar levels.

While zero sugar drinks are sweet due to the presence of artificial sweeteners, their calorie count is either negligible or zero.

Sharifa Ezat said adults should avoid giving artificial sweeteners to children under the age of two as they do not contain any nutrients.

She said the World Health Organisation has warned against using non-sugar substitutes as a means of achieving weight control or reducing the risk of contracting non-communicable diseases.

As for beverage companies producing zero sugar products, she said it is essential that the quantity of artificial sweeteners be clearly stated on the labels.

"It is essential to have artificial sweeteners quantified and well displayed on the nutrient label. Those with comorbidities are advised to consult their doctor or dietician on the best food choice as each individual is different in terms of body weight and other factors."



Sharifa Ezat said beverage companies producing zero sugar products should clearly state the quantity of artificial sweeteners on the labels. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN